



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 27 JUN 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	12 AHLI MPPN PACE SEKTOR PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, NASIONAL, SH -17 12 DILANTIK AHLI MAJLIS PENASIHAT PERTANIAN NEGARA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE 12 INDIVIDU DILANTIK SEBAGAI AHLI MAJLIS PENASIHAT PERTANIAN NEGARA, MAKKAL OSAI -ONLINE APPOINTS 12 MEMBER TASK FORCE TO IMPROVE ON FOOD SAFETY, NATION, CHINA PRESS -A6	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
5. 6. 7.	BERALIH KEPADA E-DAGANG, BISNES, HM -22 SAMBUTAN BULAN PKS AGROBANK, SH -30 SME: THE ECONOMIC CATALYST, STARBIZWEEK, THE STAR -5	AGROBANK
8.	PROSUMER KALANGAN BELIA DI SEKTOR AGROMAKANAN, BERNAMA -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9. 10.	ADA DKP BOLEH EKSPORT, LOKAL, HM -12 DKP BEZA KUALITI DURIAN KAMPUNG, SINAE NEGERI SEMBILAN/MELAKA/JOHOR, SH -21	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
11.	PESAWAH HARAP SKIM SUBSIDI IMPUT DITERUS, NASIONAL, BH -19	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12. 13. 14. 15.	NELAYAN MERINTIH AKTIVITI KOREK PASIR JEJAS 'BUBUK', NASIONAL, BH -19 350 DRAGON FISH TRAPS SEIZED IN JUNE, NATION, THE STAR -12 'STOP CONSUMING TURTLE EGGS', NATION, THE STAR -8 PAHANG'S PROMISING FISH FRY RELEASE PROJECT, NEWS IN BRIEF, NST -10	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
16. 17. 18. 19. 20. 21.	KELANTAN HASILKAN MANGGA HARUM MANIS BERKUALITI, NASIONAL, BH -19 HARUM MANIS KELATE, LOKAL, HM -13 PEMBAHTU MAKLAMAL PERINTIS TANAMAN HARUM MANIS DI KELANTAN, BERNAMA -ONLINE HARUMANIS SUBUR DI KELANTAN, SINAR NEGERI TERENGGANU/KELANTAN, SH -23 SPLITGILL MUSHROOM VENTURE A LIFELINE FOR ORPHAN SIBLINGS, NEW IN BRIEF, NST -10 GALAK PELABURAN DALAM INDUSTRI BERPOTENSI TINGGI, NASIONAL, BH -18	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	SINAR HARIAN	NASIONAL	17



Sebahagian daripada ahli MPPN bertindak sebagai badan penasihat tertinggi kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan bagi sesi 2020 hingga 2021.

12 ahli MPPN pacu sektor pertanian dan industri makanan

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melantik seramai 12 ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) terdiri daripada 10 ahli tetap dan dua ahli bersama bagi sesi 2020-2021.

Kementerian itu dalam satu kenyataan memaklumkan, kesemua mereka menerima surat pelantikan daripada Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee di Wisma Tani Putrajaya semalam.

Menurut kenyataan tersebut, mereka yang dilantik sebagai ahli tetap ialah Tengku Laksamana Perlis, Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail; Tan Sri Dr Jeffrey Cheah, Profesor Datin Paduka Fatima Mohamed Arshad, Tan Sri Francis Lau Tuang Nguang, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim, Profesor Datuk Dr Mad Nasir Shamsudin, Datuk Wira Dr Rais Hussin Mohamed Ariff, Profesor Dr Suhaimi Napis, Profesor Dr Sivamurugan Pandian dan Profesor Dr M Niaz Asadullah.

Sementara itu, Dr Yasmin B H Ooi dan Datuk Raghu Loganathan Pillai merupakan dua individu yang dilantik sebagai ahli bersama.

“MPPN bertindak sebagai badan penasihat tertinggi kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang bertanggungjawab mengenal pasti isu-isu sekuriti makanan, sektor pertanian dan industri makanan, langkah intervensi yang sesuai serta hala tuju baharu.

“MPPN juga akan menjadi pelengkap kepada strategi-strategi yang didokong kementerian,” jelas kenyataan itu.

Mengulas lanjut, bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan MPPN, beberapa pendekatan baharu akan diperkenalkan.

Dalam pada itu, nama MPPN akan dipinda sebagai Majlis Penasihat Pertanian dan Industri Makanan Negara berdasarkan skop baharu kementerian merangkumi industri makanan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

12 dilantik Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara



Barisan ahli MPPN yang baharu dilantik.

KUALA LUMPUR – Kementerian Pertanian dan Industri Makanan melantik 12 Ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) bagi sesi 2020-2021 yang menerima surat pelantikan daripada Menteri Pertanian dan Industri Makanan semasa Mesyuarat Pra-Majlis (Pre-Council) MPPN di Wisma Tani Putrajaya, pada hari ini.

Mereka terdiri 10 ahli tetap dan 2 Ahli Bersama sebagaimana yang berikut:

1. Tengku Laksamana Perlis Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail (Ahli Tetap)
2. Tan Sri Dr. Jeffrey Cheah (Ahli Tetap)
3. Prof. Datin Paduka Fatima Mohamed Arshad (Ahli Tetap)
4. Tan Sri Francis Lau Tuang Nguang (Ahli Tetap)

5. Datuk Seri Dr. Imohizam Ibrahim (Ahli Tetap)
6. Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin (Ahli Tetap)
7. Datuk Wira Dr. Rais Hussin Mohamed Ariff (Ahli Tetap)
8. Prof. Dr. Suhaimi Napis (Ahli Tetap)
9. Prof Dr. Sivamurugan Pandian (Ahli Tetap)
10. Prof. Dr. M Niaz Asadullah (Ahli Tetap)
11. Dr. Yasmin B.H. Ooi (Ahli Bersama)
12. Datuk Raghu Loganathan Pillai (Ahli Bersama)

MPPN ini bertindak sebagai badan penasihat tertinggi kepada Menteri Pertanian dan Industri Makanan yang bertanggungjawab dalam mengenal pasti isu-isu berkaitan sekuriti makanan dan sektor pertanian dan industri makanan, langkah-langkah intervensi yang sesuai serta mencadangkan hala tuju baharu sektor pertanian dan industri makanan mengikut perkembangan dan keperluan semasa secara menyeluruh dan holistik.

Majlis ini juga akan bertindak sebagai pelengkap kepada strategi-strategi yang didukung oleh Kementerian agar lebih efisien dan produktif.

Bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan MPPN, beberapa pendekatan baharu akan diperkenalkan.

Antara lain, Menteri Pertanian dan Industri Makanan sendiri akan mempengerusikan majlis ini untuk terlibat secara langsung bersama pakar-pakar dan pemain-pemain dalam sektor pertanian dan industri makanan untuk membawa perubahan dasar yang akan memanfaatkan golongan petani, nelayan dan penternak serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang akan dapat meningkatkan hasil pendapatan negara secara keseluruhannya.

Pertanian dan Industri Makanan berkata, nama Majlis ini juga akan dipinda sebagai "Majlis Penasihat Pertanian dan Industri Makanan Negara" berdasarkan kepada skop baharu kementerian yang turut merangkumi industri makanan. Pada masa yang sama, jalinan kerjasama strategik juga akan diadakan secara berterusan bersama-sama dengan semua pihak-pihak berkepentingan dalam meneroka cadangan serta idea-idea yang berpotensi tinggi untuk memajukan lagi sektor ini.

Ahli-Ahli MPPN juga akan mengadakan sesi libat urus mengikut sektor termasuk mengadakan persidangan video dan Perbincangan Kumpulan Fokus bagi mendapatkan pandangan dari pelbagai pihak yang berhubung dengan skop Majlis ini dengan kerjasama Jabatan/Agensi Kerajaan yang berkaitan, Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan serta Kumpulan Pemikir (Think Tank).

MPPN juga diharapkan dapat menyumbang dalam memacu sektor pertanian dan industri makanan menerusi idea-idea yang inovatif dan kreatif serta pragmatik bagi mencapai matlamat yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) nanti. – MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	MAKKAL OSAI	ONLINE	

12 individu dilantik sebagai ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara



KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Makanan melantik 12 ahli Majlis Penasihat Pertanian Negara (MPPN) terdiri daripada 10 ahli tetap dan dua ahli bersama bagi sesi 2020-2021.

Menurut kenyataan kementerian itu, mereka yang dilantik menerima surat pelantikan daripada Menteri, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee semasa Mesyuarat Pra-Majlis MPPN di Wisma Tani Putrajaya hari ini.

Mereka yang dilantik sebagai ahli tetap ialah Datuk Seri Syed Razlan Syed Putra Jamalullail, Tan Sri Dr. Jeffrey Cheah, Prof. Datin Paduka Fatima Mohamed Arshad, Tan Sri Francis Lau Tuang

Nguang dan Datuk Seri Dr. Imohizam Ibrahim.

Lima lagi individu yang dilantik ke jawatan tersebut ialah Prof. Datuk Dr. Mad Nasir Shamsudin, Datuk Dr. Rais Hussin Mohamed Ariff, Prof. Dr. Suhaimi Napis, Prof. Dr. Sivamurugan Pandian serta Prof. Dr. M Niaz Asadullah.

Sementara Dr. Yasmin B.H. Ooi dan Datuk Raghu Loganathan Pillai merupakan dua individu yang dilantik sebagai ahli bersama.

Menurut kementerian itu lagi, individu terbabit bertindak sebagai badan penasihat tertinggi kepada Kiandee dalam mengenal pasti isu-isu berkaitan sekuriti makanan serta sektor pertanian dan industri makanan, langkah-langkah intervensi yang sesuai serta mencadangkan hala tuju baharu sektor tersebut mengikut perkembangan dan keperluan semasa secara menyeluruh serta holistik.

"MPPN ini juga akan bertindak sebagai pelengkap kepada strategi-strategi yang didukung oleh kementerian agar lebih efisien dan produktif," ujar kenyataan itu.

Beberapa pendekatan baharu akan diperkenalkan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan MPPN yang antaranya, Kiandee sendiri akan mempengerusikan majlis itu untuk terlibat secara langsung bersama pakar serta pemain dalam sektor pertanian dan industri makanan.

Jelas kenyataan itu, ia bertujuan membawa perubahan dasar bagi memanfaatkan golongan petani, nelayan dan penternak serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang akan dapat meningkatkan hasil pendapatan negara secara keseluruhannya.

Pada masa sama, nama MPPN akan dipinda kepada 'Majlis Penasihat Pertanian dan Industri Makanan Negara' berdasarkan skop baharu kementerian tersebut yang turut merangkumi industri makanan, maklum kenyataan itu lagi.

Headline	Appoints 12 member task force to improve on food safety		
Media Title	China Press		
Date	27 Jun 2020	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A6	Readership	383,466
Language	Chinese	Article Size	379 cm ²
Journalist	N/A	Ad Value	RM 7,476
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,428



■罗南建迪（中）已委任12名国家农业和食品业理事会成员。

農業與食品業部組理事會 委12成員改善糧食安全

（吉隆坡26日讯）农业与食品业部已委任12名成员，组成2020至2021年届的国家农业和食品业理事会，作为提高该部效率的主轴，同时改善国内粮食安全等问题。

这12名成员皆收到农业与食品业部长拿督斯里罗南建迪的委任书，其中10名是常任理事和2名增选理事。

该部发文告指出，他们将担任部长的主要咨询机构，以改善国家粮食安全以及农

业和粮食有关的问题，并采取适当的干预措施，同时根据当前的发展和需求提出新方向。

“该理事会也将作为支持该部提高效率和生产力的战略。”

文告说，该部将引入数种措施提高该理事会的效率，而部长也将参与在内，以直接与农业和食品业的专家和参与者互动。

“理事会的目的是改变政策，以帮助农民、渔民和家禽养殖农民以及中小企业受益者，以增加国家的总收入。”

國家農業和食品業理事會會員

常任理事	
1	拿督斯里赛拉兹兰
2	丹斯里谢富年
3	拿汀巴柱卡法蒂玛莫哈末阿兹哈
4	丹斯里刘团源
5	拿督斯里哈兹依莫希占
6	拿督委纳希三苏丁
7	拿督拉依斯胡辛莫哈末阿立夫
8	苏海米纳必斯
9	希瓦慕鲁干潘迪安
10	尼亚阿沙都拉
增加理事	
11	雅思敏 (Yasmin B.H. Ooi)
12	拿督拉胡罗干纳丹比莱

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	HARIAN METRO	BISNES	22

Kuala Lumpur: Pelanggan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Agrobank beralih kepada e-dagang untuk mengekalkan perniagaan mereka dan menyesuaikan kepada normal baharu yang tidak dapat dielakkan.

Agrobank dalam kenyataan berkata, penting bagi PKS untuk meneroka platform digital atau dalam talian sebagai alternatif untuk menjalankan urusan perniagaan.

Ia terutama dalam menghadapi kemungkinan sebarang krisis yang mungkin berlaku dalam negara atau di peringkat global, seperti yang dialami ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan kerajaan.

Mazlina Kamaruddin, antara usahawan yang mendapat sokongan Agrobank berkata, tempoh PKP dilihat sukar kepada usahawan untuk bertahan dan menjalankan perniagaan mereka terutama apabila pelbagai sekatan dan garis panduan dikenakan untuk memerangi pandemik itu.

"Kami segera mencari alternatif yang akan membolehkan kami meneruskan



Beralih kepada e-dagang

PELANGGAN PKS Agrobank kini beralih kepada e-dagang bagi mengekalkan perniagaan mereka dan menyesuaikan bisnes dengan normal baharu.

aktiviti perniagaan, di samping mematuhi garis panduan kesihatan dan keselamatan yang ditetapkan oleh kerajaan," kata Pengarah Urusan Bismi Cergas Sdn Bhd itu.

Dia berkata demikian pada sesi dialog, Usahawan Agro Selepas PKP - Pen-

yesuaian dan Pemulihan di Facebook Agrobank, kelmarin.

Sementara itu, Pengarah Urusan MHP Enterprise Sdn Bhd Musleha Zainuddin berkata, sepanjang tempoh PKP, beliau terpaksa menyusun semula strategi perniagaannya dengan

meneroka pasaran dalam talian untuk menjual makanan tradisional dan snek.

Pada masa ini katanya, pihaknya mencari produk lain yang boleh dibekalkan kepada pengguna untuk memenuhi keperluan mereka.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	SINAR HARIAN		30

SAMBUTAN BULAN PKS AGROBANK

Agrobank komited untuk memperkasakan golongan B40, 'underserved' dan 'underserved' dengan menyediakan peluang dan akses kewangan melalui pelbagai program pembiayaan mikro. Melalui program-program ini, peserta diberi bimbingan teknikal dan pemasaran serta modal untuk bisnes agro mereka. Antara program-program Pembiayaan Mikro Agrobank adalah seperti berikut:

- 

Tanaman Nanas
Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) dan Syarikat Kulim Berhad di Johor untuk menyediakan pembiayaan kepada peserta-peserta di bawah inisiatif penanaman kluster nanas MD2, dengan pembiayaan sebanyak RM50,000/peserta
- 

Projek Ruminan
Persatuan Padang Ragut Air Suda, Gerik Perak untuk projek ruminan dengan pembiayaan bernilai RM30,000 untuk setiap peserta
- 

Pemprosesan Makanan
Pembiayaan program dengan pemegang francais MFood Sdn Bhd di bawah 'Putu Bambu World' dengan pembiayaan sebanyak RM50,000 untuk setiap peserta
- 

Kontrak Pertanian
Projek Transformasi Luar Bandar (RTP) di bawah Kerajaan Sarawak bagi membiayai kontraktor tanah pertanian untuk apa-apa jenis perkhidmatan awam dengan amaun pembiayaan maksimum sebanyak RM250,000
- 

Ternakan Agro
NASMADI Venture Sdn Bhd untuk projek ternakan ayam dengan amaun pembiayaan maksimum sebanyak RM250,000 untuk setiap peserta
- 

Ternakan Lembu
RISDA Livestock Sdn Bhd untuk pembiayaan di bawah sektor ruminan dengan jumlah maksimum RM250,000 kepada para peserta RISDA



DIALOG SME SARAWAK

30 JUN 2020 | SELASA 

Imbas Kod QR untuk pautan ke FB Live



SESI 1 : SME SELEPAS PKP

(10:00 - 10:45 PM)

SESI 2 : COVID19 - PEMULIHAN & PEMERKASAAN BISNES SME

(10:45 - 11:45 PM)



Panelis Utama
Pengurus
Tukus Invo & Cash



Panelis Bicara
Pengarah Negeri Sarawak
(PKP) di Muzium



Panelis Bicara
Pengarah Keseluruhan
Bantuan Covid-19 Sar. Bhd



Moderator
Nuzli Fathah
Duta Khas Agro Awam



TS Derek Anwar Awang Tengah
Ali Huzain
Tindakan Ketua Menteri Sarawak



Prof. Rukya
Dr. Rosalina Sarwat
Pety Hadari
Sara Mawati



Khadijah Ibrahim
Pengarah Logistik
Pembinaan Rangkaian Pasir Putih
Agrobank



Maria Azzah Abdullah
Pengarah SARA-01

 www.facebook.com/Agrobank

  @AgrobankMy

 Agrobank.TV

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	SINAR HARIAN		31

SAMBUTAN BULAN PKS AGROBANK

Agrobank telah mengumumkan bulan Jun 2020 sebagai Bulan PKS Agrobank untuk mengibaratkan sumbangan dan sokongan usahawan PKS terutamanya pengusaha dalam bidang pertanian agro (agropreneur) kepada sumber pendapatan, masyarakat dan ekonomi.

RM5.2 billion

Baki Pembiayaan
Mikro & PKS Bagi 2019

87.5%

Pembiayaan Kepada
Usahawan Bumiputera

200 orang isteri

melayan di bawah NEKMAT telah didaftarkan di bawah program Pembiayaan Mikro Agro Nisaa'ah untuk menjadi usahawanita (2019)

Sumber: Laporan Tahunan Agrobank 2019

Selamat Hari Perusahaan Mikro, Kecil & Sederhana Antarabangsa!

Sambutan Bulan PKS Agrobank adalah bersempena dengan Hari Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Antarabangsa seperti yang telah ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 27 Jun setiap tahun.



PKS Adalah Tulang Belakang Ekonomi Malaysia

98.5%

daripada semua perniagaan
di Malaysia adalah PKS

PKS

kini menyediakan hampir 7 juta
pekerjaan, terdiri dari dua pertiga
tenaga kerja negara

PKS menyumbang

40%

dari keseluruhan ekonomi negara

Sumber: Laporan Tahunan Agrobank 2019



Nur Aisyah Tey Abdullah,
Pemenang Anugerah
Agropreneur Mikro 2018

“ Saya memulakan perniagaan ini dengan modal kecil-kecilan. Hasil usaha serta bantuan Agrobank saya telah berjaya mendapatkan tiga (3) lot kedai dan menembusi pasaran New Zealand dengan perniagaan tempa segar. ”



Muhammad Syahredza Wagirin,
Peserta Kluster Nanas Lestari
(KNAL), Tanah Abang, Johor

“ Saya berterima kasih kepada Agrobank kerana membuka peluang kepada peserta belia B40 untuk terus menjana pendapatan melalui projek penanaman nanas premium yang merupakan prospek yang lumayan dan mempunyai pasaran yang meluas sehingga China dan luar negara. ”

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	THE STAR	STARBIZWEEK	5

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD (811810-U)




SME: The Economic Catalyst


The United Nations has declared 27th June as Micro, Small and Medium-sized Enterprises Day to raise public awareness of their contribution to sustainable development and the global economy.


In conjunction with this important day, Agrobank has announced the month of June as Agrobank SME Month to recognise the contribution of agropreneurs of various sizes across the entire agriculture value chain to ensure the nation's food security.


#AgrobankSMEMonth
#agriculturefinancing





- 


Micro Credit
A credit facility for micro entrepreneurs in agriculture and agro-based industry
- 

Agro Bakti
A special micro financing for entrepreneurs (individuals or groups of people) with disabilities, who conduct business based on the agro-based industry
- 

Sarawak Micro Credit Scheme
A special financing for small business and B40 entrepreneurs in Sarawak especially those affected by the COVID-19 pandemic
- 

Agro Nisaa'-i
A micro financing for women entrepreneurs in the agriculture and agro-based industry.
- 

Paddy-i
A financing for working capital in paddy planting activities
- 

3F
A special financing to finance projects in the food sector and also to increase domestic food production and reduce reliability on food imports
- 

SME Financing Scheme
A financing to finance new projects up to 90% from the total amount

Special announcement by YB Minister of Agriculture on Micro Financing Fund for Agro Community on 27 June 2020 at 9.30 am



Prosumer kalangan belia di sektor agromakanan



Meneliti dokumen Hala Tuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani: Prioriti dan Strategi 2019-2020, ia jelas menunjukkan pertumbuhan sektor agromakanan pada 2017 menyumbang nilai yang besar kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu RM37.2 bilion serta jumlah perdagangan sebanyak RM83.0 bilion. Sepanjang 2020, sektor ini dijangka menyumbang sebanyak RM41.1 bilion kepada KDNK.

Sektor itu amat penting bukan sahaja dalam memastikan sekuriti makanan negara terjamin malah memberi manfaat besar kepada pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan pendapatan kumpulan sasar, terutamanya golongan petani, penternak, nelayan dan usahawan berasaskan agromakanan.

Menurut dokumen itu, bagi memastikan pembangunan agromakanan

negara terus kompetitif, kerajaan memberi perhatian dengan melaksanakan reformasi bertujuan meningkatkan daya saing kumpulan sasar. Mereka disokong dengan penggunaan teknologi moden untuk meningkatkan produktiviti serta memperkasakan pemasaran pengeluaran agromakanan.

Namun, kesan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac lepas akibat pandemik COVID-19 yang melanda negara telah menjejaskan banyak sektor ekonomi termasuk agromakanan. Bagi memulihkan sektor itu, Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin ketika membentangkan Pelan Pemulihan Ekonomi Jangka Pendek pada 5 Jun lepas, mengumumkan bantuan dalam bentuk kemudahan pinjaman dana agromakanan sebanyak RM350 juta kepada pengusahanya.

Pengangguran belia

Melihat kepada besarnya potensi serta pentingnya sektor agromakanan yang mampu menjana pendapatan yang lumayan, golongan belia yang berminat atau masih menganggur boleh menceburinya.

Statistik Jabatan Perangkaan Malaysia dan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (YRES) mengunjurkan pada 2020, belia di negara ini yang berusia 15 tahun hingga 30 tahun akan berjumlah lebih sembilan juta orang.

Dalam keadaan ketidaktentuan pasaran pekerjaan di negara ini akibat COVID-19 tentunya sukar untuk golongan belia termasuk lepasan universiti dan institusi pengajian tinggi mendapat pekerjaan makan gaji sesuai dengan kelulusan masing-masing pada tahun ini.

Hal ini kerana, maklumat Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan kadar pengangguran di Malaysia pada tahun ini dijangka mencecah sehingga 5.5 peratus atau 860,000 akibat pemberhentian pekerja. Jumlah penganggur pada Mac lepas meningkat 17.1 peratus kepada 610,000 orang.

Situasi sukar ini perlu diambil perhatian serius oleh golongan pencari kerja dalam kalangan belia. Mereka harus memikirkan strategi untuk melibatkan diri dalam bidang yang boleh menjana pendapatan sendiri khususnya industri agromakanan sebagai pilihan demi kelangsungan hidup masing-masing.

Prosumer dalam sektor agromakanan

Dalam konteks ini, mereka mempunyai tiga pilihan iaitu, pertama, sebagai pengusaha dan pengeluar agromakanan. Kedua sebagai pemasar dan penjual produk-produk tersebut atau, ketiga sebagai *prosumer* produk agromakanan.

Pertama, golongan belia boleh terlibat secara langsung sebagai pengusaha dan pengeluar agromakanan dengan memulakan projek secara individu atau kelompok di kawasan masing-masing di atas tanah persendirian, secara sewaan atau pajakan, tanah terbiar atau meneruskan usaha ibu bapa masing-masing.

Pengeluaran mereka akan dipasarkan oleh pihak lain sama ada agensi kerajaan seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Pertubuhan Peladang Kawasan atau pemborong.

Kedua, golongan belia boleh terlibat dalam aspek pemasaran dan jualan sahaja iaitu sebagai usahawan agromakanan. Mereka boleh memasarkan secara konvensional atau mempromosi dan mengambil tempahan daripada pembeli secara dalam talian. Kajian yang dijalankan oleh Khazanah Research Institute mendapati golongan muda di negara ini lebih berminat dalam keusahawanan pertanian.

Ketiga, penglibatan belia sebagai prosumer iaitu gabungan pilihan pertama dan kedua dalam menghasilkan dan memasarkan produk agromakanan hasil usaha mereka sendiri. Prosumer mampu menjana pendapatan yang paling lumayan kerana penghasilan agromakanan dipromosi dan dijual oleh pengusaha sendiri tanpa menggunakan 'orang tengah'.

Apakah maksud prosumer? *Prosumer* ialah individu yang menggunakan dan pada masa sama menghasilkan sesuatu produk itu. Istilah ini berasal dari "*prosumption*" iaitu istilah perniagaan era dot-com yang bermaksud "pengeluaran oleh pengguna". Istilah ini dipopularkan pada 1980 oleh penulis terkenal, Alvin Toffler.

Konsep prosumer ini telah lama diamalkan di negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun. Konsep perniagaan ini telah membantu ramai orang memulakan perniagaan dan berjaya meningkatkan ekonomi keluarga mereka hanya sebagai pekerja sambilan.

Generasi lama di negara ini dahulunya juga telah mempraktikkan prosumer dalam agromakanan apabila menjual hasil tanaman, ternakan atau perikanan lebih daripada keperluan sendiri.

Peluang jana pendapatan

Pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan tentunya sedia membuka peluang jika ada belia yang berminat dan aktif sebagai *prosumer* dalam industri agromakanan di negara ini.

Seperti laporan Bernama (13 Mei 2020), tahun ini kementerian itu membantu golongan usahawan muda agromakanan melalui Program Agropreneur Muda (PAM) dengan menyediakan bantuan geran dalam bentuk barangan bernilai sehingga RM20,000, dan Pembiayaan Khas Agropreneur Muda iaitu pinjaman sehingga RM200,000 melalui Agrobank dan TEKUN Nasional dengan kadar faedah dua peratus.

Difahamkan, inisiatif itu bertujuan membantu golongan belia sama ada untuk memulakan projek pertanian baharu atau untuk mengembangkan projek pertanian sedia ada. Tahun ini, Kementerian memperuntukkan sebanyak RM20 juta dengan sasaran untuk membangunkan seramai 1,200 orang agropreneur muda.

Maka, golongan belia yang cenderung terlibat dalam industri agromakanan harus merebut peluang yang diperuntukkan oleh kementerian itu sama ada sebagai pengusaha atau penjual atau *prosumer* dengan matlamat menjana pendapatan dan pada masa sama merencanakan industri agromakanan untuk keperluan tempatan dan pasaran eksport.

--BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	HARIAN METRO	LOKAL	12

ADA DKP BOLEH EKSPORT

Standard premium dimaju untuk eksport durian kampung

Oleh Abnor Hamizam Abd Manap
am@hmetro.com.my



Jelebu

Jabatan Pertanian Malaysia membangunkan Standard Durian Kampung Premium (DKP) sebagai panduan untuk membezakan durian kampung yang berkualiti kepada dua kategori iaitu DKP dan durian kampung gred rendah.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, panduan itu penting sebagai rujukan kepada petani, penjual dan

Kualiti DKP menyamai durian klon yang lain seperti IOI dan Udang Merah"

Ahmad Hamzah

masyarakat dalam mengenali pasti ciri-ciri DKP yang berkualiti selain mendapatkan harga yang setimpal.

Antara ciri-ciri DKP yang digariskan adalah buah bertangkai segar, buah bebas kotoran, buah bebas daripada busuk, reput dan tidak berpenyakit.



RUANGAN yang disediakan penjual durian di Paya Terubong, George Town, Pulau Pinang bagi memastikan ada penjarakan sosial antara pelanggan ketika membeli durian tanpa perlu risau keselamatan ketika wabak Covid-19. Ruangan itu dibuat daripada papan kayu dengan jarak dua meter bagi memastikan keselamatan pelanggan.

"Selain itu, DKP bebas daripada kecacatan, kerosakan akibat perubahan suhu tinggi atau rendah, buah berbentuk sempurna, isi berwarna krim atau kuning, ketebalan isi 10 milimeter serta isi rasa berlemak dan sedikit rasa pahit.

"Kualiti DKP menyamai durian klon yang lain seperti IOI dan udang merah, jus-

teru harga DKP di pasaran seharusnya sama seperti durian klon yang lain," katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran Standard DKP di Kem Bukit Perjuangan, Chennah, Jelebu di sini, semalam.

Ahmad berkata, durian ketika ini menjadi sumber kekayaan baharu negara dan pada tahun lalu, eksport du-

rian berjumlah RM400 juta. "Bagi menghasilkan DKP, jabatan pertanian mengesyorkan supaya durian kampung gred rendah dibuat cantum dewasa atau ditanam semula dengan jenis terpilih seperti Musang King.

"DKP akan turut dipromosikan ke luar negara seperti China dan Singapura," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI SEMBILAN/MELAKA/JOHOR	21

DKP beza kualiti durian kampung

Jabatan Pertanian perkenal standard Durian Kampung Premium

Oleh SARINAH MAT KASIM

JELU

Jabatan Pertanian Malaysia mewujudkan standard Durian Kampung Premium (DKP) bagi memastikan durian itu dapat dikomersialkan dengan lebih meluas.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, standard DKP menjadi panduan untuk membezakan durian kampung yang berkualiti kepada dua kategori iaitu DKP dan durian kampung gred rendah.

Katanya, panduan ini penting sebagai rujukan kepada petani, penjual dan masyarakat mengenal pasti ciri-ciri DKP yang berkualiti dan setimpal harga.

"Bagaimanapun tidak bermakna Jabatan Pertanian hanya menggalakkan



Ahmad (dua dari kiri) melihat jenis-jenis durian kampung premium yang dihasilkan di sebuah negara di Kem Bukit Perjuangan Jelabu semalam.

penanaman durian kampung sahaja tetapi kita mengesyorkan durian kampung gred rendah dibuat cantuman dewasa atau ditanam semula dengan varieti terpilih seperti musang king.

"Durian kampung ditanam menggunakan biji dan ada yang sangat ber-

kualiti tetapi ada juga yang berkualiti rendah. Kita berharap DKP dapat membantu petani memasarkan produk mereka dengan lebih meluas pada harga yang lebih tinggi sekurang-kurangnya sama dengan musang king atau durian baka yang lain," katanya.

Beliau berkata demikian pada program Walkabout dan Pelancaran Standard DKP di Kem Bukit Perjuangan Jelabu di sini semalam.

Hadir sama, Exco Pertanian dan Asas Tani Negeri Sembilan, Bakri Sawir dan Ketua Pengarah Jabatan Pertanian Malaysia, Nasir Waris.

Ahmad berkata, antara ciri-ciri DKP ialah buah bertangkai segar, bebas kotoran, tidak busuk, bentuk sempurna, isi krim, kuning atau jingga, ketebalan isi melebihi 10 milimeter (mm), kemanisan isi melebihi 25 brix, rasa berlemak dan sedikit pahit serta buah melebihi 1 kilogram.

Menurutnya, kawasan tanaman durian pada tahun 2017 seluas 73,740 hektar dengan jumlah pengeluaran sebanyak 341,1332 tan metrik.

"Daripada keluasan itu sebanyak 38 peratus atau 28,021 hektar ditanam durian kampung, 20 peratus daripada itu durian kategori premium," katanya.

Kata Ahmad, durian kampung biasa dan premium dijual pada harga yang sama tetapi selepas ini petani atau penjual boleh menjual buah jenis premium ini pada harga yang lebih tinggi sesuai kualitinya.

Pesawah harap skim subsidi input diterus

Syor KRI perlu diteliti, tidak sesuai bagi petani berskala kecil

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Alor Setar: Pesawah di negeri ini berharap kerajaan akan meneruskan skim subsidi padi berasaskan input berbanding cadangan subsidi berasaskan keluaran.

Mereka berpendapat cadangan Institut Penyelidikan Khazanah (KRI) supaya kerajaan memberi subsidi berasaskan jumlah keluaran pesawah, tidak sesuai kerana hasil padi petani sering terjejas akibat serangan serangga perosak, penyakit dan bencana alam.

Bagi pesawah, Mohd Syahrul Nizam Mehad, 33, berkata cadangan KRI itu tidak sesuai terutama bagi petani yang mengusahakan sawah dalam saiz kecil.

"Contohnya, saya mengusahakan hampir tiga hektar sawah, setiap musim bukannya selalu saya dapat untung, modal untuk menanam hingga memulau setiap 0.28 hektar atau serulung sawah adalah RM1,000. Ia termasuk upah membajak, meracun, membaja dan menuai.

"Bayangkan jika tiada subsidi baja dan benih, lagi tinggi modal yang kami terpaksa keluarkan. Jika tanaman tidak menjadi, semua modal akan hangus begitu sahaja dan kami terpaksa berhutang untuk memulakan mu-

sim seterusnya.

"Itu risiko menjadi petani. Bagaimana hendak diukur mengikut prestasi, hasil padi kadang-kadang di luar kawalan petani atas beberapa faktor," katanya yang mengusahakan sawah di Yan sejak 19 tahun lalu.

Bagi pesawah di Pokok Sena, Mohamad Khalrol Ashraf Din, 28, dia mengusahakan sawah dengan hanya mengharapkan air hujan berikutan berada di luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA).

Katanya, kemarau panjang musim lalu menyebabkan satu hektar sawahnya menjadi 'lalang'.

"Jika hujan terlalu kerap, air akan melimpah ke sawah dan semua tanaman akan rosak. Untuk menanam musim seterusnya, rata-rata petani tiada modal dan terpaksa bergolok gadai atau berhutang.

"Kami berkorban untuk keselamatan makanan negara walaupun kadang-kadang rugi, jika terus biar sawah begitu sahaja langsung tak mendatangkan hasil, ia akan beri kesan kepada

Kami berkorban untuk keselamatan makanan negara walaupun kadang-kadang rugi, jika terus biar sawah begitu sahaja langsung tak mendatangkan hasil.

Mohamad Khalrol Ashraf Din,
Pesawah

pengeluaran padi negara.

"Sebab itu petani tetap perlukan subsidi input bagi meneruskan kelangsungan hidup," katanya yang turut menampung hidup dengan memandu lori.

Sementara itu, Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman, berkata cadangan KRI itu perlu diteliti dari aspek risiko kemarau, banjir dan serangan penyakit yang ditanggung pesawah, terutama yang berskala kecil.

Hanya pengusaha sawah berskala besar berkemampuan menyediakan modal sendiri bagi memulakan aktiviti menanam hingga menuai.

"Oleh itu, sistem subsidi berdasarkan keluaran akan menambatkan risiko berkurang atau tiada punca pendapatan kepada pesawah sedangkan pelaburan sudah dibuat.

"Pesawah kecil memerlukan modal awal untuk membeli, membeli benih, input pertanian seperti baja dan racun bagi menjalankan aktiviti sawah. Ketidadaan atau kekurangan modal akan menyebabkan pesawah terpaksa berhutang," katanya ketika dihubungi semalam.

Justeru, Tarmizi berpandangan Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) perlu bersedia bertindak sebagai saluran pemberi kredit dan pembekal input pertanian.

Selain itu, PPK juga perlu bersejajar dengan pihak swasta dalam liberalisasi pemasaran input pertanian.

Kelmarin, media melaporkan KRI mencadangkan subsidi padi yang kini diberikan berasaskan input, iaitu bayaran pinjaman tunai, baja dan benih wajar ditukar kepada subsidi berasaskan output, iaitu ganjaran mengikut prestasi sawah.



Nor Mazalan menunjukkan mangga Harum Manis di ladang miliknya di Kampung Nibong, Pasir Mas.
(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

Kelantan hasilkan mangga Harum Manis berkualiti

Pasir Mas: Pengusaha tanaman Harum Manis pertama di Kelantan membuktikan mangga komersial terbahit juga mampu dihasilkan di negeri itu dengan hasil buah yang baik dan berkualiti.

Nor Mazalan Ab Ghaffar, 52, mengusahakan tanaman Harum Manis sejak lapan tahun lalu bermula dengan modal RM5,000 di tapak seluas 0.4 hektar, kini memiliki 79 pokok mangga terbahit.

Katanya, kali pertama beliau dapat berasa hasil tanaman itu ialah pada 2016 selepas lebih tiga tahun mengusahakannya di tanah sendiri di Kampung Kedemil Wakaf Bharu, Tumpat, sebelum membuka satu lagi ladang baharu di Kampung Nibong, di sini, pada 2018.

"Sebenarnya, Harum Manis boleh ditanam di mana-mana sahaja namun ia memerlukan penjagaan

yang lebih rapi serta bekalan air mencukupi bagi memastikan pokoknya dapat menghasilkan buah yang baik.

"Kita akui, tanah di Pertis paling sesuai untuk tanaman ini namun ia masih boleh disebabkan di tempat lain dengan sedikit usaha," kata Nor Mazalan yang juga pembantu makmal sekolah.

Mengetahui penjagaan buah, Nor Mazalan berkata, bagi mengelakkan serangan serangga serta kulat, mangga itu dibalut apabila mencapai saiz sebesar bola ping pong.

Nor Mazalan yang turut menjual anak pokok Harum Manis, berharap usaha yang dilakukannya dapat membuka mata lebih ramai petani atau pekebun di negeri itu untuk turut sama mengusahakan mangga yang bernilai tinggi terbahit.



Roslan menunjukkan bubuk yang semakin berkurangan.
(Foto Hassan Omar/BH)

Nelayan merintih aktiviti korek pasir jejas 'bubuk'

Alor Gajah: Nelayan sungai di Lubok Cina, dekat sini, merintih berikutan udang kecil atau lebih dikenali 'bubuk' kian berkurangan dipercayai berpunca daripada aktiviti mengorek pasir sungai.

Mereka mendakwa, ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dimulakan pada 18 Mac lalu, jumlah tangkapan hidupan sungai itu mencatatkan sedikit peningkatan berikutan ketidadaan operasi mengorek sungai.

Bagaimanapun sejak Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dimulakan sejak 10 Jun lalu, jumlah bubuk kembali berkurangan selepas aktiviti meng-

orek pasir disambung semula.

Roslan Jodin, 57, mendakwa beberapa tahun sebelum ini nelayan yang mencari rezeki di Sungai Ramuan Cina, Sungai Rembau, Sungai Timun dan Kuala Linggi di Lubok Cina lazimnya memperoleh antara lima hingga 10 kilogram (kg) setiap kali menjaja bubuk, tetapi ia jauh berbeza dengan keadaan sekarang.

"Kalau dahulu kami boleh dapat 10kg bubuk dengan agak mudah, sekarang kami terpaksa berhempas pulas dan seharian di sungai untuk mendapatkannya kerana tempat tinggal dan pembalakan bubuk sudah diganggu.

"Apabila rumah dan tempat

tinggalnya diganggu, sudah tentu bubuk lari ke tempat lain yang lebih aman untuk membesar dan membiak," katanya ketika ditemui di Jeti Nelayan Kampung Paya Lebar, Lubok Cina, semalam.

Roslan mendakwa, sejak aktiviti mengorek pasir dimulakan pertengahan tahun lalu, nelayan terpaksa menanggung kesukaran bagi memastikan tong atau baldi dipenuhi bubuk berbanding keadaan sebelum itu.

Katanya, apabila PKP dimulakan, nelayan secara benuksur-anur mula menikmati peningkatan jumlah tangkapan bubuk berikutan operasi mengorek pasir di-

hentikan tetapi apabila ia dimulakan semula, nelayan terpaksa sekadar berpuas hati dengan jumlah tangkapan antara dua hingga empat kilogram setiap kali turun ke sungai.

Sementara itu Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Nwar Abdul Karim, berkata setakat ini belum ada kajian dijalankan jabatan itu mengenai kesihatan dakwaan nelayan terbahit.

Bagaimanapun, katanya, secara amnya, bubuk dan hidupan sungai yang lain memerlukan habitat sempurna tanpa diganggu aktiviti yang boleh menyebabkan habitat berkenaan terjejas.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	HARIAN METRO	LOKAL	13

Oleh Syaherah Mustafam@hmetro.com.my

Pasir Mas

HARUM MANIS KELATE

Pembantu makmal miliki 78 pokok selepas mula tanam lapan tahun lalu

Pengusaha mangga Harum Manis pertama di Kelantan membuktikan tanaman komersial terbabit mampu diusahakan di negeri itu dengan hasil buah terbaik dan berkualiti tinggi.

Nor Mazlan Ab Ghaffar, 52, mengusahakan Harum Manis sejak lapan tahun lalu bermodalkan RM5,000 di atas tanah seluas 0.4 hektar dan kini memiliki 78 pokok mangga terbabit.

Dia yang juga pembantu makmal di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gual Perioh di sini, menggunakan masa terluang dengan berbudi kepada tanah selepas 'jatuh cinta' pada rasa Harum Manis selain teruja dengan nilai harga tinggi di pasaran.

Katanya, kali pertama dia merasa hasil tanamannya itu pada 2015 selepas lebih tiga tahun mengusahakannya di tanah milik sendiri di Kampung Kedemit, Wakaf Bharu, Tumpat, sebelum membuka satu lagi ladang baharu di Kampung Nibong, Pasir Mas pada 2016.

"Sebenarnya, Harum Ma-



NOR Mazlan memeriksa buah yang terbaik dan berkualiti tinggi di ladangnya di Kampung Nibong. - FOTO Nik Abdullah Nik Omar

nis boleh ditanam di mana-mana saja namun ia memerlukan penjagaan lebih rapi dan bekalan air mencukupi bagi memastikan pokoknya dapat menghasilkan buah terbaik.

"Kita akui, tanah di Perlis paling sesuai untuk tanaman ini namun ia masih boleh diusahakan di tempat lain dengan sedikit usaha.

"Setakat ini, seponon Harum Manis saya boleh menghasilkan 50 mangga. Saya jual dengan harga RM20 sekilogram dengan mempromosikannya melalui kawan atau kumpulan WhatsApp," katanya.

Nor Mazlan yang juga bapa kepada empat cahaya mata berusia 12 hingga 24 tahun

berkata, isterinya, Che Amah Ali Muddin, 52, berasal dari Perlis yang juga kawasan 'lubuk' Harum Manis menjadi pendorong utama untuk dia mengusahakan tanaman terbabit.

Katanya, terdapat cabaran mengusahakan mangga itu terutama serangan serangga serta kulat, justeru, sebaik ia berbuah sebesar bola pingpong, ia harus dibalut menggunakan plastik.



Pembantu makmal perintis tanaman harum manis di Kelantan



PASIR MAS, 26 Jun -- Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu. Itulah perumpamaan sesuai bagi seorang pembantu makmal Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Gual Periook di sini, apabila cubaan untuk menanam pokok mangga Harum Manis yang bermula sebagai hobi kini mampu memberi hasil yang membanggakan.

Nor Mazalan Ab Ghaffar, 52, berkata pada awalnya beliau hanya menanam lima pokok mangga Harum Manis di halaman rumahnya dengan menggunakan benih yang diperolehi dari Perlis, namun tidak menyangka tanaman itu subur dan kini selepas lapan tahun ia mampu membenihkan sehingga 70 pokok di tanah kebun miliknya iaitu seluas 0.4 hektar di Kampung Nibong di sini.

"Pada awalnya, daripada lima pokok mangga yang ditanam di sekitar halaman rumah itu, hanya dua pokok sahaja yang menjadi dan memberikan hasil sebanyak 50 biji Harum Manis setiap pokok sekaligus membuatkan minat saya bertambah untuk menanamnya dengan lebih banyak.

"Kebanyakan orang kita hanya menganggap pokok mangga jenis ini hanya mampu diusahakan di Perlis sahaja, namun tanaman ini hanya memerlukan air yang banyak untuk hidup sekaligus membuatkan ia sesuai ditanam di mana-mana sahaja," katanya ketika ditemui pemberita di kebunnya di Kampung Nibong di sini.

Mengulas lanjut, bapa kepada empat anak itu berkata untuk mengusahakan pokok mangga Harum Manis pada peringkat awal bukan mudah, malah ketika mula-mula membabitkan diri beliau sentiasa berulang-alik ke Perlis untuk mempelajari kaedah yang betul untuk menanam dan menjaga pokok berkenaan daripada beberapa pengusaha tanaman itu di sana.

Katanya, usaha menanam pokok mangga Harum Manis itu dilakukan sendiri menggunakan modal RM5,000 dari wang simpanan.

"Penjagaan tanaman ini agak rumit kerana perlu meracun pada awal musim bunga, ketika ia mula berputik bagi suburkan buah, malah saya perlu menyiram 18 liter air sebanyak dua kali sehari bagi menjamin kualiti buah yang dihasilkan.

"Penjagaannya juga agak cerewet kerana mudah diserang serangga dan penyakit hingga saya terpaksa menggunakan dua jenis racun iaitu racun kulat dan serangga empat kali semusim serta membalutnya sebaik ia berbuah sebesar bola pingpong untuk mengelak daripada dimakan kera atau musang," katanya.

Nor Mazalan berkata, pada kebiasaannya beliau akan mula memetik mangga Harum Manis apabila ia mencapai tempoh matang iaitu empat bulan selepas berbunga dan kemudian diperam selama lima hari menggunakan bahan penggalak bagi memastikan buah masak serentak sebelum boleh dimakan ataupun dijual.

"Mangga Harum Manis ini dah dijual dengan harga RM20 sekilogram dengan mempromosikannya kepada kenalan ataupun menerusi kumpulan WhatsApp sahaja dan ia pernah mendapat permintaan daripada pelanggan di Kuala Lumpur dan Terengganu.

"Isinya yang manis dan lembut seakan agar-agar serta mempunyai bau tersendiri menjadikan Harum Manis 'kegilaan' penggemarnya selain mempunyai dua warna iaitu kuning dan oren," katanya yang kini turut memiliki lapan pokok harum manis di rumahnya di Kampung Kedemit, Wakaf Bharu, Tumpat.

Beliau kini turut memerlukan bantuan dan bimbingan yang lebih baik daripada Jabatan Pertanian Kelantan, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta kerajaan negeri untuk memajukan tanaman Harum Manis di Kelantan, dan berharap tanaman ini dapat membuka mata lebih ramai petani atau pekebun untuk mengusahakannya," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI TERENGGANU/ KELANTAN	23

Harumanis subur di Kelantan

Pembantu makmal sekolah usahakan tanaman di ladang seluas satu ekar di Pasir Mas

Oleh HAZLEEN LIANA KAMARUDIN

PASIR MAS

Seorang pembantu makmal sekolah berjaya 'melanggar sumpahan' apabila tanaman mangga harumanis yang dikatakan hanya boleh hidup dan berbuah di Perlis tumbuh subur di ladang miliknya di Kampung Nibong, Tok Uban di sini.

Menariknya, mangga tersebut bukan sahaja berbuah lebat malah rasanya sangat manis sebagaimana rasa yang dinikmati di tempat asal buah tersebut.

Pengusaha harumanis tersebut, Nor Mazalan Ab Ghafar, 52, berkata, tidak menyangka harumanis diusahakan di atas tanah seluas satu ekar itu berhasil menyebabkan ada dalam kalangan rakyat Perlis terkejut dengan situasi berkenaan.

"Saya mula tanam harumanis pada



Nor Mazalan menunjukkan buah harumanis yang ditanam di ladang miliknya di Kampung Nibong, Pasir Mas semalam.

tahun 2012 dan kemudian berbuah pada tahun 2015. Berbekalkan minat mendalam dalam bidang pertanian, saya mengambil keputusan untuk berguru dengan keluarga isteri di Perlis dan roengusahakan tanaman harumanis dengan bersungguh-sungguh.

"Hasil pemerhatian dan kajian yang dilakukan secara bersendirian, haruma-



Nor Mazalan menunjukkan pokok harumanis yang tumbuh subur di ladangnya.

nis tumbuh subur di Kelantan dan kejayaan ini membuktikan ia boleh ditanam di mana-mana sahaja jika diusahakan dengan kaedah yang betul," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Nor Mazalan berkata, apabila harumanis itu berbuah dan masak, beliau membawa pulang buah tersebut ke Perlis untuk dirasai oleh keluarga isterinya.

Katanya, mereka terkejut apabila bau, harum dan rasa manis pada buah itu sama seperti di Perlis.

"Harumanis yang saya usahakan ini mampu berbuah tiga kali setahun.

"Anggaran berat buah ini boleh mencapai berat sekitar 750 gram dan dijual dengan harga RM20 sekilogram," katanya lagi.

TARIKH

MEDIA

RUANGAN

MUKA
SURAT

27/6/2020

THE STAR

NATION

12

350 dragon fish traps seized in June

By LIEW JIA XIAN
jiaxian@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The Penang Fisheries Department has successfully seized 350 dragon fish traps (*bubunaga*) worth around RM35,000 in June alone in several operations to curb the use of the banned fishing devices.

State Fisheries director Noraisyah Abu Bakar said the dragon fish trap was strictly prohibited as it had more than two fish entry points.

"Some of the dragon fish traps are about 20m long and have definitely more than two entry points."

"The usage of the traps has a negative impact on fish resources as fish fry and small fish will enter the traps. Sometimes, parenting fish will enter the dragon fish traps, which will affect the sustainability of fish resources."

"Besides, the usage of this trap will cause misunderstandings and arguments between dragon fish trap fishermen and traditional fishermen who use drift nets (*pukat hanyut*).

"On Thursday, the Penang Fisheries Department successfully detained a fishing vessel which uses dragon fish traps at 0.3 nautical miles from Kuala Sungai Changkat and seized 13 dragon fish traps."

"The case is being investigated under Section 8(b) of the Fisheries Act 1985," she told reporters at the department in Batu Maung yesterday.

Noraisyah added that 350 dragon fish traps were seized in five different operations in June.

"In the first operation on June 6, 77 dragon fish traps were seized in the waters off Teluk Kumbar."

"A total of 89 traps were seized in the second operation on June 9 in the waters off Batu Kawan."

"During the third operation on June 15, 85 traps were seized in the waters off Batu Kawan, Juru and Teluk Kumbar."

"The fourth operation was carried out on June 22 and 85 dragon fish traps were seized in the waters off Batu Kawan, Sungai Belanak and Bukit Tengah."

"During the fifth operation on



Illegal means:
Penang Fisheries Department officers displaying the dragon fish traps seized in Batu Maung. — LIM BENG TATT/The Star

Thursday, a 58-year-old fisherman with a drift net licence was arrested along with 13 dragon fish traps in the waters off Kuala Sungai Changkat."

"Those caught using the traps could be charged with illegal fishing under the Fisheries Act and, if convicted, fined not more than RM20,000 or jailed not more than two years, or both," she added.

The Fisheries Department has

seized 370 dragon fish traps from January to May.

Last year, there were 53 such cases where 841 dragon fish traps were seized.

The figure was much lower than the 119 cases and 1,149 traps seized in 2018.

Noraisyah said the department viewed the usage of dragon fish traps seriously and strived to ensure that such methods were eradicated.

"The department would like to remind all fishermen not to attempt fishing using illegal traps in accordance with the enforcement of the Fisheries Act 1985."

"The fishermen must ensure that all rules and procedures are followed in order to avoid facing legal action in the future."

"The dragon fish traps seized will be burnt and disposed accordingly," she added.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	THE STAR	NATION	8

'Stop consuming turtle eggs'

Malaysians must play their part in conservation, say experts

By **FATIMAH ZAINAL**
fatimah@thestar.com.my

PETALING JAYA: While the current peak nesting season is seeing a rise in turtle eggs, conservation groups are urging Malaysians to take a pledge to stop putting turtle eggs on their plates.

The "Pledge: Tak Nak Telur Penyu" rolled out by the Society for Conservation Biology - Malaysia Chapter seeks to encourage Malaysians to say no to sea turtle egg consumption.

Universiti Malaysia Terengganu's Sea Turtle Research Unit (Seatru) team leader Dr Mohd Uzair Rusli said while the federal and state governments were urged to prioritise turtle conservation, the Malaysian public must also play its part.

He said turtle eggs were consumed in the past as a source of protein for coastal communities in Malaysia as they lacked access to alternative sources, but this was no longer necessary.

"This was happening in the 1960s, for example, where the population was just 10 million people and nesting numbers were much higher.

"But in 2020, we have a population of 32 million but nesting numbers are decreasing and unstable.

"That's why we want people to stop the consumption of turtle eggs because the nesting numbers are fluctuating between 2,000 and 4,000 per year in Terengganu," he said.

The sale and consumption of eggs for all species of turtles are banned in Sabah and Sarawak but in Terengganu, only the sale of leatherback turtle eggs are prohibited under the Terengganu Turtle Enactment 1951 (Amendment 1987).

Terengganu Agriculture, Agro-based Industry and Rural Development Committee chairman Dr Azman Ibrahim previously said that the state government would be amending this law.

Uzair said this process had been delayed due to the movement control order (MCO) and while waiting

for the amendment to take place, turtle conservation groups wanted to continue raising awareness.

In the east coast states, people had been peddling turtle eggs online even during the early stages of the MCO, which started on March 18, with some sellers brazenly using online platforms to trade, he said.

"I just want to encourage everyone to sign the pledge and share it, a majority of people are concerned about the environment but they stay silent.

"But now let's voice out and stop the trade and consumption of turtle eggs," he said.

In encouraging Malaysians to learn about the threats sea turtles faced, Juara Turtle Project said many of the threats sea turtles face were from anthropogenic or human-caused sources.

"Sea turtles suffer from a variety of injuries, including marine debris ingestion or entanglement, and unintentional boat strikes.

"Additionally, sea turtle popula-

tions still remain at risk of being harmed by the illicit take and trade of sea turtles and their eggs," said the group in a statement.

The wide variety of threats that sea turtles faced, both in the ocean and on land, had diminished the population of sea turtles over time, thus requiring every sea turtle species to be protected, it said.

Turtle Conservation Society of Malaysia co-founder Dr Chen Pelf Nyok said that while awareness levels had increased, more must be done to stop the sale and consumption of turtle eggs.

"The awareness level is certainly increasing, especially during the MCO period, because we consume so much info online and globally, turtle conservation groups have turned to social media to spread more awareness," she said.

The pledge was an effort by turtle conservation groups to keep the conversation about turtle egg consumption going among Malaysians, said Chen.



Mohamad Syhadam Abdul Talib Mohd Kasim checking on his splitgill mushrooms behind his house in Gua Musang. PIC BY RAMLI IBRAHIM

Splitgill mushroom venture a lifeline for orphan siblings

RAMLI IBRAHIM
GUA MUSANG
news@nst.com.my

THE eldest of three orphaned siblings has resorted to cultivating mushrooms not only to fund the educational needs of his two younger siblings, but also for the trio to be financially independent.

Mohamad Syhadam Abdul Talib Mohd Kasim, 20, said he chose to cultivate *kulat sstir* (splitgill mushrooms) to help his two younger sisters, who are staying in an orphanage run by the Kelantan Religious and Malay Customs Council (Maik) in Kampung Tanah Puteh near here.

"Alhamdulillah, we are able to live independently now."

Syhadam said he was responsible for the welfare of his sisters, Siti Noraini, 15, and Siti Norasnlza, 10. He said he took up mushroom cultivation when the Movement Control Order began on March 18.

"The splitgill mushrooms can be cultivated into 1,300 plastic bags, which are hung at the back of my house."

Syhadam and his siblings had been struggling with poverty since young, resorting to using ditchwater for their daily needs while staying in Kampung Mentara Lama.

Their father, Ahmad Yaacob, 48, died in June last year of a heart attack, while their mother, Rubiah Zakaria, 38, passed away in September 2018 due to complications from diabetes.

"I attended a day-long course on mushroom cultivation in Jeli. The returns from my first attempt were quite encouraging."

He used an initial capital of around RM2,000 to build his backyard and buy 1,300 splitgill mushroom seeds.

"In just two weeks, we collected between 10kg and 20kg of mushrooms and sold it for RM80 per kg in Kuala Lumpur. If the mushrooms are dried, they can fetch up to RM100 per kg."

Gua Musang Agriculture Department officer Azrim Ibrahim said the splitgill mushroom business has great potential.

"So far, only Syhadam is cultivating splitgill mushrooms in this area and the market demand is promising."

Pahang's promising fish fry release project

KUANTAN. The Pahang Fisheries Department has released some 8.5 million freshwater fish fry, including lobsters, in the state's fresh waters in the last five years since 2016.

Its director, Abdullah Jaafar, said the release of fish and lobster fry in the state, which began since 2005, involved main rivers, lakes and dams in all districts.

He said in the first six months of this year, they released 188,300 freshwater fish fry, which also saw the involvement of the local community.

"The department is targeting more than one million fish fry of various species to be released this year. However, due to the Movement Control Order (MCO) and the Conditional MCO, many such programmes had to be postponed."

"We will continue to work towards this goal with the cooperation of private fish production centres to provide a continuous supply of fry," he said at the release of 2,000 *slakap* (barramundi) fry into Sungai

Kuantan here yesterday.

He said release activities involving fish fry comprised 12 species, including *kelah*, *patin buah*, *patin muncung*, *krai*, *tengalan*, *tamailan* and *haung*, which would grow into the right size to be caught.

Abdullah said the annual fish fry release programme was aimed at increasing fish numbers in rivers, dams and lakes, especially those involving endangered species. In turn, this would provide an income for riverine fishermen.

He said freshwater fish was in high demand in the state, causing prices to rise.

"To ensure that the freshwater fish source in the state is not depleted, community cooperation is essential to safeguard the ecosystem and prevent illegal fishing activities, such as through the use of bomb, poison and electricity."

"I will not compromise with parties found guilty. Action will be taken under the Fisheries Act 1985 and the Fisheries (River Water) Rules 1991 of Pahang."

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/6/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Galak pelaburan dalam industri berpotensi tinggi

Kuala Lumpur: Sudah sampai masanya Malaysia menajarkan semula tumpuan untuk merangsangkan pelaburan domestik dengan menggalakkan perniagaan tempatan melabur dalam industri berpotensi tinggi, menurut Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin, berkata industri itu seperti penjagaan kesihatan, bekalan perubatan dan farmaseutikal, selain industri berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi.

Bellau berkata, di samping itu penekanan seharusnya diberikan untuk memulihkan industri berkaitan pelancongan meliputi tempat penginapan serta makanan dan minuman melalui inisiatif meningkatkan pelaburan dalam bidang ini.

"Pelancongan adalah antara sektor penting yang menyumbang 23.5 peratus kepada tenaga kerja negara serta 15.2 peratus kepada ekonomi ini.

"Justeru, bantuan perlu disediakan untuk meringankan beban dihadapi sektor itu ketika tempoh mencabar ini agar dapat berkembang maju semula," katanya dalam sidang media secara maya mengenai laporan Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR) Siri 2/2020 yang dikeluarkan, semalam.

"Walaupun aktiviti pelancongan antarabangsa mungkin tidak dapat digerakkan lagi dalam tempoh terdekat, namun banyak lartekh inovatif boleh dilaksanakan

kan untuk menghidupkan semula sektor pelancongan domestik, seterusnya mengembalikannya ke kegemilangannya sebelum ini," katanya.

Mohd Uzir berkata, keseluruhannya, semua usaha perlu ditingkatkan ke arah memulihkan keyakinan menjalankan perniagaan di Malaysia bagi membolehkan pemulihan ekonomi lebih pantas.

Berdasarkan MESR Siri 2/2020, sektor pembuatan adalah antara pemacu utama ekonomi Malaysia dengan sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar sebanyak 22.3 peratus pada 2019.

"Sektor ini amat bergantung kepada permintaan global, dengan hampir 69.0 peratus daripada keluaran pembuatan adalah diekspor.

"Melihat situasi ekonomi global semasa, sektor ini dijangka mengambil masa untuk pulih sepenuhnya. Dalam hal ini, kerajaan harus mempertimbangkan untuk mempelaburkan sektor ekonomi dalam mengimbangi penurunan sektor pembuatan, seperti pertanian, perkhidmatan berkaitan isi rumah dan aktiviti pembinaan berskala kecil," menurut laporan itu.

Ia berkata, gangguan penawaran dan permintaan global pada masa kini, memberi peluang kepada Malaysia untuk memberi lebih tumpuan kepada produk pertanian berasaskan makanan seperti beras, buah-buahan, sa-



Keseluruhannya, semua usaha perlu ditingkatkan ke arah memulihkan keyakinan menjalankan perniagaan di Malaysia bagi membolehkan pemulihan ekonomi lebih pantas.

Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan

contohi negara maju yang melabur untuk inovasi ke arah pertanian moden dan memberi hasil yang tinggi.

Menurut MESR Siri 2/2020, model ini boleh diguna pakai negara untuk meneroka peluang memodenkan sektor pertanian, disokong oleh sektor swasta dan awam.

Ia berkata, pada masa ini, komuniti perniagaan sedang melalui fasa pemulihan selepas menghadapi cabaran empat fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), dua fasa PKP Bersyarat.

PKP Pemulihan pula sedang dikuatkuasakan dari 10 Jun, 2020 hingga 31 Ogos, 2020 dengan eketatan yang lebih longgar dan majoriti sektor perniagaan dibenarkan untuk kembali beroperasi dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ketat, menurutnya.

Laporan itu berkata, pada April 2020, Malaysia berada di bawah PKP dan hanya perkhidmatan penting dibenarkan beroperasi dengan had tempoh bekerja dan bilangan pekerja yang minimum.

"Hanya sepuluh perkhidmatan penting yang dikenal pasti dibenarkan beroperasi ketika PKP fasa dua dan seterusnya bertambah menjadi 15 perkhidmatan di PKP fasa ketiga," kata laporan itu.

Ia berkata, perkhidmatan itu adalah makanan; air; tenaga; internet dan komunikasi; keselamatan dan pertahanan; pengurusan pembersihan awam dan sisa pe-

pejal dan kumbahan; penjagaan kesihatan dan perubahan termasuk makanan tambahan; perbankan dan kewangan; e-dagang dan logistik.

"Keluaran sektor pembuatan pada April 2020 menguncup 37.2 peratus tahun ke tahun selepas mencatatkan penurunan 4.1 peratus pada Mac 2020 sementara itu nilai jualan perdagangan borong dan runcit mengalami penurunan terbesar iaitu 36.6 peratus," katanya.

Berdasarkan laporan yang sama, perdagangan Malaysia bernilai RM133.3 bilion, berkurangan kepada 16.4 peratus tahun ke tahun, menurut MESR Siri 2/2020.

"Eksport merosot 23.8 peratus kepada RM64.9 bilion, merekodkan penurunan terbesar sejak September 2009 ketika krisis kewangan global, manakala import jatuh 8.0 peratus kepada RM88.4 bilion, mengakibatkan defisit perdagangan untuk kali pertama sejak Oktober 1997 pada nilai RM3.5 bilion," menurut laporan itu.

Kadar pengangguran Malaysia pula melonjak kepada 5.0 peratus dengan jumlah pengangguran meningkat 48.8 peratus, iaitu 778.8 ribu orang berbanding tahun sebelumnya.

Ketika merumuskan esainya semalam, Mohd Uzir berkata, senarai inisiatif yang diperkenalkan kerajaan menerusi Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) adalah berita gembira yang dialu-alukan. **BERNAMA**